

D.R. 45/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG
INDUSTRI PELANCONGAN 1991

SUSUNAN PASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Menteri untuk menamakan premis penginapan pelancong, institusi latihan pelancongan dan restoran pelancong.
4. Pesuruhjaya Pelancongan.

BAHAGIAN II

PELESENAN PENGUSAHAAN-PENGUSAHAAN PELANCONGAN

5. Pengusahaan-pengusahaan pelancongan hendaklah dilesenkan.
6. Pengemukakan permohonan untuk lesen kepada Pesuruhjaya.
7. Pemberian atau keengganan memberi lesen.
8. Pembatalan lesen.
9. Rayuan.
10. Penyerahan balik lesen.
11. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau habisnya tempoh lesen.
12. Pengembalian lesen.
13. Sekatan ke atas penggunaan perkataan "melancong", dsb.

BAHAGIAN III

KEHENDAK DAN KEWAJIPAN KE ATAS PENGUSAHAAN-
PENGUSAHAAN PELANCONGAN BERLESEN

14. Kehendak untuk mempamerkan lesen.
15. Kewajipan mengemukakan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan kendalian-kendalian perniagaan.

Fasal

16. Pelancongan dalam negeri dan pelancongan ke luar negeri serta aktiviti-aktiviti perniagaan lain.
17. Pemberitahuan mengenai pertukaran maklumat.
18. Kehendak-kehendak tentang pengiklanan.
19. Pengambilan kerja pemandu-pemandu pelancong berlesen.
20. Penggunaan kenderaan-kenderaan persiaran.

BAHAGIAN IV

PELESENAN PEMANDU-PEMANDU PELANCONG

21. Orang-orang yang memberi perkhidmatan sebagai pemandu pelancong hendaklah dilesenkan.
22. Daftar.
23. Permohonan untuk lesen dan kelayakan pemohon.
24. Pemberian lesen.
25. Keesahan lesen.
26. Kad pemberian kuasa.
27. Kewajipan-kewajipan yang dikenakan ke atas pemandu pelancong berlesen.
28. Penggantungan atau pembatalan lesen.
29. Kesan penggantungan atau pembatalan lesen.
30. Hak untuk merayu.
31. Penyerahan balik lesen dan kad pemberian kuasa.

BAHAGIAN V

AM

32. Pembaharuan lesen.
33. Lesen-lesen yang hilang.
34. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.
35. Kewajipan kerahsiaan.
36. Perisytiharan tak tepat, dsb.
37. Penalti am.
38. Tanggungan pengarah, dsb.
39. Kuasa untuk rnengkompaun kesalahan-kesalahan.
40. Pegawai diberikuasa.
41. Kuasa untuk menyiasat,
42. Kuasa untuk memeriksa saksi.

Fasal

43. Kebolehterimaan pernyataan.
44. Pengeledahan dengan waran.
45. Pengeledahan tanpa waran.
46. Senarai benda-benda yang disita.
47. Kuasa-kuasa tambahan.
48. Halangan pengeledahan, dsb.
49. Penjalanan pendakwaan.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Pelancongan 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"ditetapkan", jika tiada cara disebut, ertinya ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"ejen pengembaraan berlesen" ertinya orang yang dilesenkan di bawah subseksyen 7(1) untuk menjalankan atau mengendalikan suatu perniagaan agensi pengembaraan;

"institusi latihan pelancongan" ertinya—

- (a) suatu institusi, pusat pengajian atau sekolah yang menyediakan latihan atau kursus-kursus berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan pengurusan pelancongan, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan hotel dan catering; dan
- (b) telah dinamakan oleh Menteri di bawah seksyen 3 sebagai suatu institusi latihan pelancongan;

"kenderaan persiaran" ertinya kenderaan yang digunakan secara eksklusif untuk membawa pelancong dan sebagai balasan kepada satu pembayaran yang tiada peringkat tambang;

"Ketua Setiausaha" ertinya Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;

"Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia" ertinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991;

Akta

"lesen" ertinya lesen yang diberikan di bawah Akta ini;

"melancong" termasuklah berdarmawisata, bersiar-siar, membeli-belah, melawat ke tempat-tempat menarik atau hiburan, dan lain-lain aktiviti yang biasanya dilakukan oleh seseorang pelancong;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;

"orang" termasuklah kumpulan orang, diperbadankan atau tak diperbadankan;

"pegawai diberikuasa" ertinya pegawai yang diberikuasa oleh Menteri di bawah seksyen 40;

"pelancong" ertinya mana-mana orang, sama ada dia adalah seorang warganegara Malaysia atau selainnya,

yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut, iaitu—

- (a) keseronokan, rekreasi atau percutian;
- (b) kebudayaan;
- (c) agama;
- (d) melawat kawan atau saudara-mara;
- (e) sukan;
- (f) perniagaan;
- (g) mesyuarat, persidangan, seminar atau konvensyen;
- (h) pengajian atau penyelidikan;
- (i) apa-apa maksud lain yang tidak berhubungan dengan suatu pekerjaan yang mendapat saraan daripada tempat dilawati itu;

"pelancongan dalam negeri" ertinya pelancongan ke atau di Malaysia atau mana-mana tempat di dalam Malaysia;

"pelancongan ke luar negeri" ertinya pelancongan ke atau di mana-mana tempat di luar Malaysia;

"pemandu pelancong" ertinya orang yang rnemberikan perkhidmatan kepada pelancong atau mana-mana orang lain dengan rnemandu mereka demi bayaran apabila tnelancong;

"pemandu pelancong berlesen" ertinya orang yang dilesenkan di bawah subseksyen 24(1) untuk bertindak sebagai seorang pemandu pelancong;

"pengendali pelancongan berlesen" ertinya orang yang dilesenkan di bawah subseksyen 7(1) untuk menjalankan atau mengendalikan suatu perniagaan pengendalian pelancongan;

"pengusahaan pelancongan" ertinya—

- (a) mana-mana perniagaan pengendalian pelancongan;
- (b) mana-mana perniagaan agensi pengembaraan;

- (c) mana-mana perniagaan yang menyediakan premis penginapan pelancong;
- (d) mana-mana perniagaan yang menyediakan restoran pelancong; atau
- (e) mana-mana perniagaan yang menyediakan institusi latihan pelancongan;

"pengusahaan pelancongan berlesen" ertinya mana-mana pengusahaan pelancongan yang dilesenkan di bawah subseksyen 7(1);

"perniagaan agensi pengembaraan" ertinya mana-mana perniagaan yang menyediakan semua atau mana-mana daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

- (a) menjual, mengatur atau mengadakan untuk komisen, tiket-tiket yang melayakkan seseorang untuk membuat pengembaraan dengan menggunakan apa-apa pengangkutan sama ada melalui darat, laut atau udara;
- (b) menjual, mengatur atau mengadakan untuk komisen, tempat-tempat penginapan di dalam Malaysia atau di luar Malaysia;
- (c) apa-apa perkhidmatan lain yang bersampingan dengan mana-mana perkhidmatan yang disenaraikan di atas;

"perniagaan pengendalian pelancongan" ertinya mana-mana perniagaan yang menyediakan semua atau mana-mana daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

- (a) mengatur untuk jualan atau komisen apa-apa perkhidmatan pengangkutan, penginapan, pelancongan atau apa-apa perkhidmatan bersampingan yang lain bagi pelancong di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) mengurus atau menjalankan untuk jualan atau komisen pelancongan-pelancongan dalam atau ke luar negeri;
- (c) menyediakan pengangkutan untuk disewa kepada pelancong;

- (d) apa-apa perkhidmatan lain yang bersampingan dengan mana-mana perkhidmatan yang disenaraikan di atas;

"Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya Pelancongan yang dilantik di bawah seksyen 4;

"premis penginapan pelancong" ertinya—

- (a) mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah pemalaman;
- (b) mana-mana tempat yang disediakan bagi maksud-maksud perkhemahan;
- (c) mana-mana karavan atau rumah bergerak,

yang dianjurkan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, sebagai menawarkan penginapan pemalaman atau tidur, dan boleh termasuk pengadaaan makanan dan minuman, kepada mana-mana pelancong untuk disewa atau untuk apa-apa jua pun jenis ganjaran, dan yang telah dinamakan oleh Menteri di bawah seksyen 3 sebagai suatu premis penginapan pelancong;

"restoran pelancong" ertinya apa-apa premis atau sebahagian daripadanya—

- (a) yang telah dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menyediakan atau menjual makanan atau minuman bagi penggunaan manusia; dan
- (b) telah dinamakan oleh Menteri di bawah seksyen 3 sebagai suatu restoran pelancong;

"syarikat" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965.

Akta 125.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai "Akta ini" hendaklah, melainkan jika disebutkan dengan nyata selainnya, disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai apa-apa peraturan, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa
Menteri untuk
menamakan
ptemis
penginapan
pelancong,
institusi
latihan
pelancongan
dan restoran
pelancong.

3. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menamakan mana-mana premis penginapan, institusi latihan atau restoran masing-masingnya sebagai premis penginapan pelancong, institusi latihan pelancongan dan restoran pelancong bagi maksud-maksud Akta ini,

Pesuruhjaya
Pelancongan.

4. (1) Ketua Setiausaha adalah dilantik sebagai Pesuruhjaya Pelancongan yang hendaklah bertanggungjawab bagi penyeliaan am ke atas segala perkara yang berhubungan dengan pelancongan di bawah Akta ini.

(2) Pesuruhjaya boleh, secara bertulis, mewakili perjalanan mana-mana atau segala kuasa dan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini kepada mana-mana pegawai awam yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN II

PELESENAN PENGUSAHAAN-PENGUSAHAAN PELANCONGAN

Pengusahaan-
pengusuliaan
pelancongan
hendaklah
dilesenkan.

5. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan—

- (a) premis penginapan pelancong;
- (b) institusi latihan pelancongan; atau
- (c) restoran pelancong,

melainkan jika orang itu memegang suatu lesen sah yang diberikan di bawah Bahagian ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan—

- (a) perniagaan pengendalian pelancongan; atau
- (b) perniagaan agensi pengembaraan,

melainkan jika ia adalah suatu syarikat dan memegang lesen sah yang diberikan di bawah Bahagian ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi Hma ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(4) Untuk mengelakkan keraguan, peruntukan-peruntukan Akta Pendidikan 1961 tidaklah terpakai *Akta 43/1961.* berhubung dengan seseorang yang menjalankan atau mengendalikan suatu institusi latihan pelancongan.

6. (1) Suatu permohonan untuk pemberian lesen di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pesuruhjaya dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan. *Pengemukakan permohonan untuk lesen kepada PeMiruhjaya.*

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan dan Pesuruhjaya boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu ditentukan, secara lisan atau bertulis, menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu oleh Pesuruhjaya untuk menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen itu.

(3) Kehendak-kehendak di bawah subseksyen (2) boleh berbeza antara seorang pemohon dengan pemohon yang lain, atau antara golongan, kategori atau perihalan pemohon yang berlainan.

(4) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam kehendak itu atau apa-apa perlanjutannya yang diberi oleh Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidaklah boleh diteruskan lagi, tanpa menjejaskan permohonan baru dibuat oleh pemohon.

Pemberian
atau
keengganan
memberi
lesen.

7. (1) Pesuruhjaya hendaklah, apabila permohonan dibuat dengan sewajarnya mengikut seksyen 6 dan selepas diberi segala dokumen dan maklumat yang dikehendaknya, menimbangkan permohonan itu, dan jika dia berpuas hati akan kesesuaian pemohon, dan apabila dibayar fee-fee yang ditetapkan, memberikan lesen dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan lesen.

(2) Tiap-tiap lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan jangkamasa lesen sebagaimana yang ditetapkan dan nombor lesen.

(3) Mana-mana orang yang telah diberikan lesen di bawah subseksyen (1) boleh memohon untuk lesen-lesen tambahan bagi pejabat-pejabat atau premis-premis cawangan untuk menjalankan atau mengendalikan pengusahaan pelancongan dari jenis yang sama seperti yang dia telah dilesenkan.

(4) Jika Pesuruhjaya enggan memberikan lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keenggannya itu.

Pembatalan
lesen.

8. (1) Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 7 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pengusahaan pelancongan berlesen itu telah gagal mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini;
- (b) pengusahaan pelancongan berlesen itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah lesen, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tidak kira bahawa tiada pendakwaan telah dibawa bagi sesuatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran sedemikian;
- (c) pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pesuruhjaya

maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan pelancongan berlesen itu;

- (d) pengusahaan pelancongan berlesen itu menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara;
- (e) pengusahaan pelancongan berlesen itu tidak berurusan dalam apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya ia dilesenkan selama apa-apa tempoh berterusan enam bulan atau telah berhenti menjalankan mana-mana perniagaan atau kendalian yang baginya ia dilesenkan;
- (f) pengusahaan pelancongan berlesen itu tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabilitinya;
- (g) suatu perintah penggulangan telah dibuat terhadap pengusahaan pelancongan berlesen itu atau suatu ketetapan bagi penggulangan sukarelanya telah diluluskan;
- (h) pengusahaan pelancongan berlesen itu atau mana-mana pegawainya yang memegang jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, fraud atau keburukan akhlak; atau
- (i) pengusahaan pelancongan berlesen itu atau pengarah, pengurus atau pengawalnya telah disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pesuruhjaya hendaklah memberi kepada pengusahaan pelancongan berlesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan menghendaki

pengusahaan pelancongan berlesen itu menunjukkan sebab dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pesuruhjaya memutuskan untuk membatalkan lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pengusahaan pelancongan berkenaan secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen hendaklah mula berkuatkuasa—

- (a) jika tiada rayuan dibuat terhadap pembatalan sedemikian, apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pengusahaan pelancongan berlesen itu; atau
- (b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan sedemikian, apabila pembatalan itu disahkan oleh Menteri.

(5) Jika suatu rayuan telah dibuat terhadap pembatalan sesuatu lesen, pengusahaan pelancongan berlesen yang lesennya dibatalkan sedemikian tidak boleh mengurusniagakan apa-apa perniagaan baru sehinggalah rayuan itu diberskan dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Menteri.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika pembatalan sesuatu lesen telah mula berkuatkuasa, Pesuruhjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyebabkan pembatalan sedemikian diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan Bahasa Malaysia dan Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(8) Apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk mengiklankan notis pembatalan sedemikian tidaklah dengan apa-apa jua cara menyentuh keesahan pembatalan itu.

9. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan— Rayuan.

- (a) keengganan Pesuruhjaya untuk melesenkan mana-mana pengusahaan pelancongan di bawah seksyen 7 atau untuk memperbaharui mana-mana lesen sedemikian; atau
- (b) pembatalan mana-mana lesen di bawah seksyen 8,

boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

10. (1) Suatu pengusahaan pelancongan berlesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan mengemukakan lesen itu, dan apa-apa lesen tambahan, kepada Pesuruhjaya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik itu. Penyerahan balik lesen.

(2) Penyerahan balik itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh Pesuruhjaya menerima lesen-lesen itu dan notis di bawah subseksyen (1), atau jika suatu tarikh yang lebih lewat dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh itu.

(3) Pengusahaan pelancongan berlesen itu hendaklah, tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh yang disebutkan dalam subseksyen (2), menyebabkan penyerahan balik sedemikian diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan Bahasa Malaysia dan Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

11. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah seksyen 8 atau penyerahan baliknya di bawah seksyen 10 telah mula berkuatkuasa, atau jika lesen itu telah habis tempohnya, maka pengusahaan pelancongan berlesen itu hendaklah dengan serta-merta berhenti. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau habisnya tempoh lesen.

menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, atas syor Pesuruhjaya, membenarkan secara bertulis pengusahaan pelancongan berlesen itu menjalankan apa-apa perniagaan selama suatu jangkamasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud penggulungan hal-ehwalnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(3) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah seksyen 8, mana-mana lesen tambahan baginya hendaklah disifatkan terbatal.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), suatu pengusahaan pelancongan berlesen yang lesennya telah habis tempohnya adalah berhak menjalankan perniagaannya seolah-olah lesen itu tidak habis tempoh apabila bukti dikemukakan kepada Pesuruhjaya bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah memohon bagi pembaharuan lesen.

Pengembalian
lesen.

12. (1) Jika pembatalan lesen di bawah seksyen 8 telah mula berkuatkuasa, atau jika lesen itu telah habis tempohnya dan tiada permohonan untuk pembaharuan lesen itu dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan, maka pengusahaan pelancongan berlesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen tersebut, termasuk apa-apa lesen tambahan, kepada Pesuruhjaya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan.

didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan, dan mahkamah hendaklah memegangsimpan lesen itu dan apa-apa lesen tambahan dan mengemukakannya kepada Pesuruhjaya.

13. Kecuali dengan keizinan bertulis Pesuruhjaya, tiada seorang pun, yang bukannya suatu perusahaan pelancongan berlesen, boleh memakai atau menggunakan perkataan-perkataan "pelancongan", "melancong", "pengembaraan", "agensi pelancong", "ejen pengembaraan" atau "pengendali pelancongan," mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa terbitan daripada perkataan-perkataan ini dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan atau pengendalian perniagaan sedemikian, berhubungan dengan perniagaan atau apa-apa bahagian perniagaan yang dijalankan oleh orang itu, atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, surat, kertas, notis, iklan atau dengan apa-apa jua cara lain.

Sekatan ke atas penggunaan perkataan "melancong", dsb.

BAHAGIAN III

KEHENDAK DAN KEWAJIPAN KE ATAS PENGUSAHAAN- PENGUSAHAAN PELANCONGAN BERLESEN

14. Suatu perusahaan pelancongan berlesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya pada suatu tempat yang mudah dilihat di tempat utama perniagaannya dan di tiap-tiap cawangan di mana perusahaan pelancongan berlesen itu menjalankan atau mengendalikan perniagaannya.

Kehendak untuk mempamerkan lesen.

15. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), suatu perusahaan pelancongan berlesen hendaklah mengemukakan kepada Pesuruhjaya apa-apa maklumat dan butir-butir termasuk pernyataan-pernyataan kewangan, kunci kira-kira teraudit dan akaun keuntungan dan kerugian yang berhubungan dengan keseluruhan kendalian perniagaannya yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.

Kewajipan mengemukakan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan kendalian kendalian perniagaan.

(2) Apabila diminta oleh Pesuruhjaya, seorang pengendali pelancongan atau ejen pengembaraan berlesen hendaklah mengemukakan yang berikut kepada Pesuruhjaya:

- (a) jadual perjalanan bagi kedua-dua pelancongan dalam negeri dan pelancongan ke luar negeri;
- (b) tarif sulit dan tarif-tarif lain;
- (c) butir-butir terperinci mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh mereka termasuk caj-caj bagi dan terma serta syarat aktiviti-aktiviti sedemikian;
- (d) butir-butir terperinci mengenai apa-apa kontrak yang dibuat oleh mereka dengan mana-mana pengusahaan pelancongan tempatan atau luar negeri yang lain;
- (e) nama-nama dan butir-butir mengenai pemandu pelancong berlesen yang diambil kerja oleh mereka sama ada secara sepenuh masa atau secara sambilan; dan
- (f) nombor-nombor pendaftaran dan butir-butir kenderaan-kenderaan persiaran yang digunakan bagi apa-apa pelancongan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pelancongan dalam negeri dan pelancongan ke luar negeri serta aktiviti-aktiviti perniagaan lain.

16. (1) Pesuruhjaya hendaklah mempunyai hak untuk menentukan dan mengenakan dari semasa ke semasa kadar pelancongan dalam negeri dan pelancongan ke luar negeri yang boleh diusahakan oleh seorang pengendali pelancongan berlesen dan boleh, dengan kelulusan Menteri, memberi kepada semua pengendali pelancongan ke luar negeri suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya dari

semasa ke semasa untuk mengusahakan kadar pelancongan dalam negeri yang ditetapkan.

(2) Pesuruhjaya boleh tidak membenarkan apa-apa aktiviti perniagaan mana-mana pengendali pelancongan berlesen.

17. (1) Tiap-tiap pengusahaan pelancongan berlesen hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau, perubahan pada mana-mana dokumen konstituennya, atau sebelum apa-apa pertukaran pengarah atau ketua pegawai eksekutifnya, memberi kepada Pesuruhjaya butir-butir secara bertulis mengenai apa-apa pindaan, perubahan atau pertukaran dicadangkan itu.

Pemberitahuan mengenai pertukaran maklumat.

(2) Tiap-tiap pengusahaan pelancongan berlesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana maklumat atau dokumen yang telah diberikan kepada Pesuruhjaya berkenaan dengan lesen.

18. Suatu pengusahaan pelancongan berlesen tidak boleh menyiarkan, sama ada dalam akhbar, brosur atau selainnya, apa-apa iklan atau maklumat yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan perniagaan sesuatu pengusahaan pelancongan tanpa memasukkan:

Kehendak-kehendak tentang pengiklanan.

- (a) nombor lesen;
- (b) nama perniagaan yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan itu dan alamat di mana perniagaan sedemikian dijalankan; dan
- (c) apa-apa butir lain yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

19. (1) Tiada pengusahaan pelancongan berlesen boleh mengambil kerja, atau mendapatkan bagi seseorang pelancong atau mana-mana orang lain perkhidmatan, seorang pemandu pelancong yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini atau yang lesennya telah digantung atau dibatalkan.

Pengambilan kerja pemandu-pemandu pelancong berlesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penggunaan
kenderaan-
kenderaan
persiaran.

20. (1) Tiada pengusahaan pelancongan berlesen boleh menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa kenderaan untuk mengangkut pelancong-pelancong apabila melancong kecuali kenderaan-kenderaan persiaran yang telah dilesenkan dengan sempurna oleh pihak-pihak berkuasa yang sewajarnya bagi maksud-maksud sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

PELESENAN PEMANDU-PEMANDU PELANCONG

Orang-orang
yang
memberi
perkhidmaian
sebagai
pemandu
pelancong
hendaklah
dilesenkan,

21. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak, atau menganjurkan dirinya, sebagai seorang pemandu pelancong melainkan jika dia dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tujuh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Daftar.

22. Pesuruhjaya hendaklah menyebabkan suatu daftar pemandu pelancong berlesen disimpan dan disenggarakan.

23. (1) Apa-apa permohonan untuk lesen di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pesuruhjaya dalam apa-apa bentuk yang ditentukan dan permohonan itu hendaklah mengandungi, atau disertai dengan, apa-apa maklumat dan dokumen sebagaimana yang ditetapkan.

Permohonan untuk lesen dan kelayakan pemohon.

(2) Tiada seorang pun boleh memohon untuk dilesenkan di bawah Bahagian ini melainkan jika—

- (a) dia telah menjalani kursus atau kursus-kursus latihan dan lulus ujian-ujian kecekapan yang diadakan oleh Pesuruhjaya atau mana-mana badan yang diberikuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya untuk mengadakan suatu kursus latihan dan ujian-ujian kecekapan untuk pemandu-pemandu pelancong;
- (b) dia telah menyempurnakan apa-apa kursus lain yang diiktiraf oleh Pesuruhjaya sebagai setaraf dengan suatu kursus yang disebut dalam perenggan (a) atau
- (c) adalah ternyata kepada Pesuruhjaya, dengan mengambil kira sewajarnya akan watak, kelayakan dan pengalaman orang sedemikian, bahawa dia berkompeteren untuk menjadi seorang pemandu pelancong.

24. (1) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen 23(1), Pesuruhjaya hendaklah menimbangkan permohonan itu dan boleh, jika dia berpuas hati akan kesesuaian pemohon dan apabila fee ditetapkan dibayar, memberi lesen dengan atau tanpa syarat.

Pemberian lesen.

(2) Pesuruhjaya hendaklah mencatatkan nama tiap-tiap orang yang telah diberi lesen di bawah subseksyen (1) dalam daftar dan mengeluarkan kepada orang itu suatu kad pemberian kuasa dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Pesuruhjaya boleh enggan memberi lesen kepada mana-mana orang tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(4) Jika Pesuruhjaya enggan memberikan lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keengganannya itu.

Keesahan
lesen.

25. Suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya di bawah Bahagian ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan terdahulu, sah selama tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu diberikan.

Kad
pemberian
kuasa.

26. (1) Suatu kad pemberian kuasa yang dikeluarkan kepada seorang pemandu pelancong berlesen di bawah subseksyen 24(2)—

- (a) hendaklah dipakai dengan terang bilamasa pemandu pelancong berlesen itu sedang bertugas, menjalankan pelancongan atau apabila dia menghadiri apa-apa kursus sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 27;
- (b) tidak boleh dipakai oleh mana-mana orang selain daripada orang yang kepadanya kad pemberian kuasa itu dikeluarkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah meyakinkan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan
kewajipan
yang
dikenakan
ke atas
pemandu
pelancong
berlesen.

27. (1) Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah menghadiri kursus-kursus latihan lanjutan dan lulus ujian-ujian kecekapan lanjutan untuk pemandu pelancong sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(2) Suatu bentuk pakaian yang standard sebagaimana yang ditetapkan hendaklah dipakai oleh tiap-tiap pemandu pelancong berlesen apabila sedang bertugas atau menjalankan pelancongan.

(3) Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah mematuhi suatu tata etika yang standard sebagaimana yang ditetapkan.

28. (1) Jika mana-mana pemandu pelancong berlesen—

Penggantungan
atau
pembatalan
lesen.

- (a) telah membuat apa-apa salah nyataan atau telah gagal menzahirkan apa-apa fakta pada masa dia memohon untuk lesen, dan salah nyataan atau pembuatan tidak menzahirkan itu berkemungkinan telah mempengaruhi Pesuruhjaya untuk melesenkannya menurut seksyen 24;
- (b) telah gagal untuk menghadiri atau menyempurnakan dengan jayanya apa-apa kursus latihan lanjutan atau lulus apa-apa ujian kecekapan lanjutan sebagaimana yang dikehendaki;
- (c) telah gagal memakai kad pemberian kuasa atau telah membenarkan mana-mana orang lain memakai kad pemberian kuasa itu melanggar dengan seksyen 26;
- (d) telah bertindak melanggar dengan peruntukan-peruntukan Akta ini;
- (e) telah melanggar mana-mana syarat lesennya yang dikenakan di bawah subseksyen 24(1) atau tata etika yang disebut dalam subseksyen 27(3);
- (f) adalah, pada pendapat Pesuruhjaya, tak berupaya oleh sebab sakit atau selainnya untuk bertindak sebagai seorang pemandu pelancong;
- (g) telah tidak melaksanakan fungsi-fungsi seorang pemandu pelancong selama suatu tempoh enam bulan berterusan; atau
- (h) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, fraud atau keburukan akhlak,

maka Pesuruhjaya boleh menggantung lesen yang diberikan di bawah seksyen 24 dan menarik balik kad pemberian kuasa selama apa-apa tempoh sebagaimana

yang ditentukan atau membatalkan lesen itu dan memotong nama pemandu pelancong berlesen itu daripada daftar atau, jika lesen itu telah habis tempohnya, enggan memperbaharui lesen itu:

Dengan syarat bahawa Pesuruhjaya tidaklah boleh menggantung, membatalkan atau enggan memperbaharui lesen pemandu pelancong berlesen itu dalam mana-mana hal keadaan yang tersebut dalam perenggan (a) hingga (g) tanpa terlebih dahulu memberi pemandu pelancong berkenaan suatu peluang untuk didengar.

(2) Jika Pesuruhjaya menggantung, membatalkan atau enggan memperbaharui lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemandu pelancong berkenaan secara bertulis mengenai keputusannya.

Kesan pengantungan atau pembatalan lesen.

29. (1) Mana-mana pemandu pelancong berlesen yang lesennya telah digantungkan menurut seksyen 28 tidaklah boleh dalam tempoh penggantungan itu bertindak sebagai seorang pemandu pelancong.

(2) Mana-mana pemandu pelancong berlesen yang lesennya telah dibatalkan hendaklah dengan serta-merta berhenti bertindak sebagai seorang pemandu pelancong dalam apa-apa jua hal keadaan.

(3) Tiap-tiap pemandu pelancong berlesen yang lesennya tidak diperbaharui atau telah dibatalkan menurut seksyen 28 hendaklah mengembalikan lesen dan kad pemberian kuasa kepada Pesuruhjaya, tertakluk kepada seksyen 30, tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh notis keengganan memperbaharui atau pembatalan itu disampaikan kepadanya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tujuh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan

yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

30. (1) Mana-mana pemandu pelancong berlesen yang terkilan— Hak umuk merayu.

- (a) dengan keengganan Pesuruhjaya untuk memperbaharui lesennya; atau
- (b) dengan penggantungan atau pembatalan lesennya di bawah seksyen 28,

boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan memperbaharui, penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepadanya.

(2) Keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif.

(3) Jika Menteri mengesahkan keputusan Pesuruhjaya, pemandu pelancong berlesen itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pengesahan itu, mengembalikan lesen dan kad pemberian kuasa itu kepada Pesuruhjaya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memegangsikan lesen dan kad pemberian kuasa itu dan mengemukakan kepada Pesuruhjaya.

31. Seorang pemandu pelancong berlesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan mengemukakan lesen dan kad pemberian kuasanya kepada Pesuruhjaya bersama dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik itu dan penyerahan balik itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh Pesuruhjaya menerima lesen dan kad pemberian kuasa itu. Penyerahan balik lesen dan kad pemberian kuasa.

BAHAGIAN V

AM

Pembaharuan
lesen.

32. (1) Tiap-tiap pengusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan untuk pembaharuan lesennya sekurang-kurangnya tiga puluh, tetapi tidak lebih daripada enam puluh, hari sebelum tarikh habisnya tempoh lesen dan permohonan sedemikian hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(2) Fee yang ditetapkan hendaklah dibayar apabila perraohonan itu diluluskan,

(3) Jika mana-mana pengusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen tidak mempunyai niat untuk memperbaharui lesennya, pengusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen itu hendaklah mengiklankan niatnya itu sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum habisnya tempoh lesen itu dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan Bahasa Malaysia dan Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(4) Tanpa menjejaskan apa-apa alasan lain, Pesuruhjaya boleh enggan memperbaharui sesuatu lesen jika kehendak-kehendak subseksyen (1) tidak dipatuhi.

Lesen-lesen
yang hilang.

33. (1) Jika suatu pengusahaan pelancongan berlesen telah hilang lesennya, ia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai kehilangan itu.

(2) Jika seorang pemandu pelancong berlesen telah hilang lesen atau kad pemberian kuasanya, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai kehilangan itu.

(3) Pengusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen itu hendaklah mengemukakan suatu permohonan untuk lesen atau kad pemberian kuasa gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan disertakan segala maklumat dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya bersama dengan fee yang ditetapkan yang boleh dikenakan.

34. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang difikirkannya suaimanfaat bagi maksud-maksud Akta ini.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi mana-mana daripada maksud-maksud atau perkara-perkara yang berikut:

- (a) penetapan dokumen-dokumen dan maklumat yang menyertai apa-apa permohonan untuk lesen;
- (b) jangkamasa dan syarat-syarat lesen, dan cara serta prosedur bagi pembaharuannya;
- (c) fee-fee yang kena dibayar bagi apa-apa lesen dan apa-apa fee lain yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini;
- (d) prosedur-prosedur kemasukan dan pemeriksaan premis-premis;
- (e) penyimpanan buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod sewajarnya oleh pengusahaan pelancongan berlesen dan bentuk serta caranya;
- (f) pengawalseliaan penubuhan dan pengurusan institusi-institusi latihan pelancongan, termasuk penetapan kandungan kursus dan program-program latihan, buku-buku atau bahan-bahan yang hendak digunakan, standard-standard yang kena dipatuhi oleh institusi-institusi itu, kelayakan pengajar-pengajarnya, peperiksaan-peperiksaan yang akan diadakan dan perakuan-perakuan atau apa-apa kelayakan lain yang akan diberikan;

- (g) kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan sedemikian;
- (h) bentuk daftar, notis atau perintah yang dikehendaki disimpan, dikeluarkan atau dibuat di bawah Akta ini dan prosedur bagi penyampaian notis atau perintah sedemikian;
- (i) perlakuan atau penjalanan mana-mana perniagaan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan pengusahaan-pengusahaan pelancongan atau pemandu-pemandu pelancong dan standard-standard prestasi yang hendaklah disenggarakan oleh mereka; dan
- (j) apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan.

Kewajipan
kerahsiaan.

35. (1) Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini, tiada seorang pun yang mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau apa-apa pun bahan lain yang didapatkan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini boleh menzahirkan rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perisytiharan
tak tepat,
dsb.

36. Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberi apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Akta ini yang tak betul, tak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

37. Mana-mana orang yang tidak mematuhi atau melanggar mana-mana peruntukan Akta ini yang tiada penalti khusus diperuntukkan secara nyata baginya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. Penalti am.

38. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu syarikat, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, setiausaha, pengurus atau pegawai lain syarikat itu atau yang berupa bertindak atas sifat sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk menghalang perlakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandangkan kepada jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan. Tanggungan pengarah, dsb.

(2) Mana-mana orang yang berkemungkinan akan didapati bersalah atas sesuatu kesalahan sekiranya dia sendiri yang telah melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau tidak dilakukan oleh pegawai, ejen atau pengkhidmatnya dalam perjalanan perniagaannya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah munasabah untuk menghalang perlakuan atau peninggalan untuk melakukan perkara sedemikian.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepaskan mana-mana pegawai, ejen atau pengkhidmat sedemikian daripada apa-apa tanggungan untuk kesalahan.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.

39. (1) Pesuruhjaya boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun dengan menghendaki seseorang yang dengan munasabahnya disyaki melakukan kesalahan itu membayar sejumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan, atau dalam apa-apa tempoh masa yang lebih lanjut yang diberikan oleh Pesuruhjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat,

Pegawai diberikuasa.

40. (1) Menteri boleh memberikuasa secara bertulis mana-mana pegawai awam atau pegawai Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menjalankan kuasa-kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

NM.B.
Bab 45.

(3) Pada menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberikuasa hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak surat pemberikuasaan yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

41. Dalam apa-apa hal yang berhubungan dengan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana daripada kuasa-kuasa khas berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes-kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Prosedur Jenayah.

Kuasa untuk menyiasat.

*NM.B.
Bab6.*

42. (1) Mana-mana pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangkakan mengetahui fakta-fakta dan hal-hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian ke dalam bentuk tulisan.

Kuasa untuk memensa saksi.

(2) Orang sedemikian adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang diajukan kepadanya oleh pegawai sedemikian yang berhubungan dengan kes itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkemungkinan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai diberikuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terdahulu memberitahu orang itu mengenai peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamasa perlu, diubah ke dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibujarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan dalam bentuk tulisan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang digunakannya semasa dia

membuat pernyataan itu dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang diingininya.

Keboleh-
terimaan
pemyataan.

43. Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu menjadi suatu pengakuan salah atau tidak atau sama ada ia berbentuk lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam perjalanan penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran pegawai diberikuasa dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seorang pegawai diberikuasa atau mana-mana orang lain yang berkenaan atau tidak dalam kes itu, hendaklah menjadi boleh terima di perbicaraannya sebagai keterangan dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, apa-apa pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya:

Dengan syarat bahawa:

- (a) tiada pernyataan sedemikian boleh menjadi boleh terima atau digunakan seperti yang disebut terdahulu—
 - (i) jika ternyata kepada mahkamah bahawa pembuatan pernyataan itu telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ancaman atau janji yang mempunyai kaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datangnya daripada orang yang mempunyai kuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah untuk memberi kepada orang yang dipertuduh itu alasan-alasan yang ternyata kepadanya munasabah bagi menyangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan

memperolehi apa-apa keburukan keduniaan yang mempunyai kaitan dengan prosiding terhadapnya itu; atau

- (ii) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dalam perkataan-perkataan yang berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud sedemikian:

"Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada anda bahawa anda tidak diwajibkan untuk berkata apa-apa jua pun atau untuk menjawab apa-apa soalan tetapi apa-apa jua yang anda katakan, sama ada sebagai jawapan kepada sesuatu soalan atau tidak, boleh diberi sebagai keterangan."; dan

- (b) suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang sebelum ada masa untuk memberi amaran kepadanya tidaklah menjadi tak boleh terima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab dia tidak diberi amaran jika dia diberi amaran dengan seberapa segera yang mungkin.

44. (1) Bilamasa ternyata kepada mana-mana Majistret berdasarkan kepada maklumat bertulis atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab munasabah bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini sedang berlaku dalam mana-mana premis atau tempat, Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberikuasa mana-mana pegawai diberikuasa, pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki premis atau tempat itu dan menggeledah serta menyita atau mengambil salinan segala buku, akaun, atau dokumen lain yang mengandungi atau yang disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan sedemikian atau tentang apa-apa benda lain yang berhubungan dengan kesalahan itu.

Peageledahan
dengan
waran.

(2) Mana-mana pegawai sedemikian boleh jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecahkan mana-mana pintu luar atau pintu dalam mana-mana premis atau tempat, dan memasuki ke dalam premis atau tempat itu;
- (b) dengan kekerasan, memasuki premis atau tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan terhadap kemasukan, pengeledahan, penyitaan dan pengalihan sebagaimana yang dia diberikuasa untuk menguatkuasakannya;
- (d) menahan tiap-tiap orang yang didapati dalam premis atau tempat itu sehinggalah premis atau tempat itu telah diteledah; dan
- (e) jika premis atau tempat itu digunakan bagi perjalanan atau pengendalian suatu pengusahaan pelancongan tanpa lesen, melakkan premis atau tempat itu.

Pengeledahan tanpa waran.

45. Bilamasa ternyata kepada mana-mana pegawai diberikuasa bahawa terdapat sebab yang munasabah bagi mempercayai apa-apa buku, akaun atau dokumen lain yang disyaki mengandungi maklumat tentang perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa benda lain yang berhubungan dengan kesalahan itu disembunyikan atau disimpan dalam mana-mana premis atau tempat dan jika dia mempunyai alasan-alasan munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan untuk mendapatkan waran geledah buku-buku, akaun-akaun, dokumen-dokumen atau benda-benda lain itu berkemungkinan dialihkan, maka pegawai itu boleh menjalankan dalam, pada atau berkenaan dengan premis atau tempat itu segala kuasa yang tersebut dalam seksyen 44 mengikut cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberikuasa berbuat demikian oleh waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

46. (1) Pegawai diberikuasa yang menyita apa-apa buku, akaun, dokumen atau benda lain di bawah Akta ini hendaklah menyediakan satu senarai mengenai buku, akaun, dokumen atau benda lain yang disita itu dan dengan segera menghantarkan satu salinan senarai itu yang ditandatangani kepada penghuni atau ejen atau pengkhidmat penghuni itu yang hadir di premis atau tempat penyitaan.

Senarai
benda-benda
yang disita.

(2) Senarai yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh dikira sebagai suatu pernyataan, pengakuan atau pengakuan salah yang dibuat oleh penghuni itu atau ejen atau pengkhidmatnya dalam perjalanan penyiasatan itu dan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

47. Mana-mana pegawai diberikuasa hendaklah, bagi maksud-maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk meJakukan segala atau mana-mana daripada yang berikut:

Kuasa-kuasa
tambahan.

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen yang disimpan oleh suatu perusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen dan untuk meneliti, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun atau dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi.

48. Mana-mana orang yang—

- (a) menyerang, menghalang, menggalang atau melengahkan mana-mana pegawai diberikuasa dalam menguatkuasakan apa-apa kemasukan yang berhak dibuatnya di bawah Akta ini, atau pada melaksanakan mana-mana kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;

Halangan
pengele-
dahan, dsb.

- (b) memecahkan apa-apa lak yang telah dipasang pada mana-mana premis atau tempat oleh seorang pegawai diberikuasa;
- (c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan sah yang dibuat oleh seorang pegawai diberikuasa pada melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini; atau
- (d) enggan atau abai memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan semunasabahnya daripadanya dan yang ada dalam kuasanya untuk memberi,

adalah melakukan suatu kesalahan.

Penjalanan
pendakwaan.

49. Tiap-tiap pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menghadiri mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan atau mengendalikan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dan mengenai orang-orang yang memberi perkhidmatan sebagai pemandu pelancong.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini mengandungi perkara-perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memperuntukkan bahawa Akta dicadangkan ini mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini. *Fasal 3* memberi kuasa kepada Menteri menamakan mana-mana premis penginapan, institusi latihan dan restoran masing-masingnya sebagai premis penginapan pelancong, institusi latihan pelancongan dan restoran pelancong. *Fasal 4* memperkatakan tentang perlantikan Pesuruhjaya Pelancongan yang hendaklah bertanggungjawab bagi penyeliaan am Akta dan juga membolehkan Pesuruhjaya mewakili penjalanan kuasa dan fungsinya yang tertentu di bawah Akta dicadangkan kepada seseorang pegawai awam.

3. Bahagian II Rang Undang-Undang ini memperkatakan pelesenan perusahaan-perusahaan pelancongan.

Fasal 5 bertujuan melarang mana-mana orang menjalankan atau mengendalikan suatu perniagaan pengendalian pelancongan, perniagaan agensi pengembaraan, premis penginapan pelancong, restoran pelancong dan institusi latihan pelancongan melainkan jika orang itu dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan. *Fasal 6* memperkatakan permohonan-permohonan untuk lesen bagi menjalankan perusahaan-perusahaan pelancongan sementara *fasal 7* memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk memberikan atau enggan memberikan lesen. *Fasal 8* bertujuan memberikuasa Pesuruhjaya membatalkan apa-apa lesen berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan dalam subfasal (1). *Pasal 9* membolehkan perusahaan pelancongan berlesen yang lesennya telah dibatalkan merayu kepada Menteri. *Fasal 10* mengadakan peruntukan mengenai penyerahan balik lesen. *Fasal 11* menyatakan kesan pembatalan, penyerahan balik atau habis tempoh sesuatu lesen sementara *fasal 12* bertujuan menghendaki mana-mana perusahaan pelancongan berlesen mengembalikan lesennya apabila lesen itu dibatalkan atau telah habis tempohnya. *Fasal 13* bertujuan menyekat penggunaan perkataan-perkataan tertentu yang berkenaan dengan perusahaan pelancongan.

4. Bahagian III Rang Undang-Undang ini memperkatakan kehendak dan kewajipan yang dikenakan ke atas perusahaan-perusahaan pelancongan berlesen.

Fasal 14 bertujuan menghendaki tiap-tiap perusahaan pelancongan berlesen mempamerkan lesennya. *Fasal 15, 16* dan *17* bertujuan menghendaki tiap-tiap perusahaan pelancongan berlesen mengemukakan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan kendalian perniagaannya, pelancongan dalam negeri dan ke luar negeri serta aktiviti perniagaan lain dan untuk memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa pertukaran maklumat yang mungkin berlaku. *Fasal 18* mengandungi kehendak tertentu tentang pengiklanan. *Fasal 19* dan *20* bertujuan melarang pengambilan kerja atau penggunaan pemandu pelancong tak berlesen atau kenderaan yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan persiaran.

5. Bahagian IV Rang Undang-Undang ini memperkatakan pelesenan pemandu pelancong.

Fasal 21 bertujuan menghendaki mana-mana orang yang memberi perkhidmatan sebagai pemandu pelancong dilesenkan. Tiap-tiap pemandu pelancong berlesen hendaklah dicatatkan namanya dalam daftar yang disimpan oleh Pesuruhjaya mengikut *fasal 22* sementara *fasal 23* mengadakan peruntukan mengenai permohonan untuk lesen dan kelayakan pemohon. *Fasal 24* dan

25 memperkatakan pemberian lesen oleh Pesuruhjaya dan keesahannya. *Fasal 26* memperuntukkan bagi pengeluaran kad pemberian kuasa bagi tiap-tiap pemandu pelancong yang dilesenkan di bawah Akta dicadangkan. *Fasal 27* menyatakan beberapa kehendak yang dikenakan ke atas pemandu pelancong berlesen. *Fasal 28, 29 dan 30* memperkatakan penggantungan dan pembatalan lesen, kesan-kesan pembatalan sedemikian dan hak merayu terhadap pembatalan itu. *Fasal 31* memperuntukkan bagi penyerahan balik lesen dan kad pemberian kuasa.

6. Bahagian V memperkatakan perkara-perkara am.

Fasal 32 dan 33 mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pembaharuan dan penggantian lesen atau kad pemberian kuasa. *Fasal 34* memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan. *Fasal 35* bertujuan melarang mana-mana orang menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya menurut peruntukan-peruntukan Akta dicadangkan. *Fasal 36* memperkatakan kesalahan yang wujud akibat pengemukaan perisytiharan, dokumen dan maklumat tak tepat, palsu atau mengelirukan. *Fasal 37* mengadakan peruntukan mengenai penalti am dikenakan jika tiada penalti nyata disebutkan. *Fasal 38* bertujuan menjadikan pengarah atau pengurus suatu pertubuhan perbadanan juga bersalah atas suatu kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu melainkan jika dibuktikan kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya. *Fasal 39* membehi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan. *Fasal 40* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk memberikuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menjalankan kuasa-kuasa penguatkuasaan di bawah Akta dicadangkan. *Fasal 41, 42, 43 dan 44* bertujuan memberi pegawai-pegawai diberikuasa kuasa-kuasa penyiasatan, memeriksa saksi dan penggeledahan. *Fasal 45* memperuntukkan kebolehterimaan pernyataan. *Fasal 46* menyatakan bahawa suatu senarai benda-benda yang disita di bawah Akta dicadangkan hendaklah disediakan oleh pegawai diberikuasa dan dihantarkan kepada penghuni, aiau ejen atau pengkhidmat penghuni, premis atau tempat di mana penyitaan itu dibuat. *Fasal 47* memberikan pegawai-pegawai diberikuasa kuasa-kuasa tambahan sementara *fasal 48* bertujuan membenarkan pegawai-pegawai diberikuasa melaksanakan kewajipan mereka tanpa galangan atau halangan daripada mana-mana orang dengan menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk menyerang, menghalang, menggalang atau melengahkan pegawai diberikuasa dalam melaksanakan kewajipannya. Peruntukan tersebut juga memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memecahkan apa-apa lak yang telah dipasang oleh mana-mana pegawai diberikuasa atau yang tidak mematuhi apa-apa tuntutan sah pegawai-pegawai diberikuasa adalah melakukan suatu kesalahan. *Fasal 49* memberi kuasa mana-rnana pegawai

diberikuasa menghadiri mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap Akta dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1606.]